

BAHASA MELAYU ASAS

Jadual Pengkhususan

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Bil. item	Timbangan (Markah)	Penerangan
1 (30 min)	Kefahaman Membaca	MCQ	5	10% (10)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki membaca dan memahami petikan serta menjawab soalan.
2 (10 min)	Lisan		2	60% (60)	<ul style="list-style-type: none"> Masa yang diperuntukkan adalah 10 minit termasuk masa untuk membaca secara senyap petikan karangan dan menatap gambar yang disediakan.
	1 Bacaan Lantang	Respons Lisan	1	20% (20)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki membaca dengan lantang petikan karangan yang diberikan (yang telah dibacanya secara senyap terlebih dahulu) dengan menggunakan sebutan baku.
	2 Penerangan Berdasarkan Gambar dan Perbualan Berkaitan dengan Gambar	Respons Lisan	1	40% (40)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki menerangkan beberapa perkara yang dilihatnya dalam gambar (yang telah ditatapnya terlebih dahulu) dan memberikan respons peribadinya terhadap beberapa perkara yang terdapat dalam gambar tersebut. menerangkan
1 Penerangan Berdasarkan Gambar			30% (30)		
	2 Perbualan Berkaitan dengan Gambar			10% (10)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki berbual dengan pemeriksa mengenai topik yang berkaitan dengan gambar yang diberikan dalam Penerangan Berdasarkan Gambar.
3 (Lebih kurang 40 min)	Kefahaman Mendengar	MCQ	15	30% (30)	<ul style="list-style-type: none"> Calon dikehendaki mendengar dan memahami rakaman yang diperdengarkan serta menjawab soalan.

Panduan Menjawab Soalan Kefahaman Mendengar

- Pelajar akan diuji sebanyak 15 soalan daripada 3 petikan ringkas dalam masa 40 minit.
- Murid boleh membaca soalan-soalan dalam kertas peperiksaan semasa arahan dibacakan. Dengan membaca soalnya terlebih dahulu, murid akan memahami isi petikan yang akan disampaikan.
- Murid digalakkan menggariskan atau membulatkan kata kunci dalam setiap soalan untuk memudahkan murid memilih jawapan yang tepat.
- Semasa petikan sedang dibaca, dengar dengan teliti sambil melihat pilihan jawapan (1), (2) dan (3) yang disediakan. Murid harus pilih jawapan yang paling tepat berdasarkan petikan tersebut.

- Murid Bahasa Melayu Asas agak lemah dalam bahagian Kefahaman Mendengar. Sebab utama adalah mereka menganggap ujian ini mudah dan tidak perlukan persiapan atau perhatian.

Murid seringkali mengambil ringan dan tidak memberikan sepenuh perhatian semasa ujian dijalankan. Mereka dengar sambil lewa dan tidak fokus tentang soalan yang diajukan, Seringkali juga murid hilang tumpuan semasa ujian dijalankan. Murid sudah mula berkhayal.

Contoh Soalan Kefahaman Mendengar

Petikan 1

Kami meminta orang ramai membantu kami menemukan kucing kesayangan kami yang telah hilang sejak minggu lalu (1 Jun 2011). Kucing Parsi yang berbulu panjang dan berwarna kelabu akan mengiau dengan panggilan Bella. Kali terakhir Bella dilihat berkeliaran di taman permainan berdekatan dengan Blok 366, Woodlands Ave 1. Kami amat merindunya. Sila hubungi Sheila (HP: 98765432) sekiranya anda menjumpainya. Kepada sesiapa yang dapat memberi sebarang maklumat tentang Bella atau menjumpainya, akan diberi ganjaran sebanyak \$200.

1. Pengumuman ini dibuat kerana

- meminta bantuan orang ramai mencari Sheila
- meminta bantuan orang ramai menghubungi Sheila
- meminta bantuan orang ramai mencari kucing yang hilang

Jawapan (3)

Petikan 3

Sudahkah anak anda bersedia untuk alam persekolahan? Pusat Pendidikan Celik dapat menyediakan anak anda dengan pendidikan yang diperlukan bagi kanak-kanak berusia 3 hingga 6 tahun. Melalui program yang kami sediakan, pasti anak anda akan berasa lebih yakin dan bersedia untuk melangkah ke darjah 1. Kami bukan sahaja menyediakan pendidikan akademik, malah murid dibimbing dalam pembangunan diri.

Datanglah ke rumah terbuka kami pada hujung minggu ini untuk melihat sendiri kurikulum dan kemudahan yang terdapat di pusat pendidikan kami. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pusat Pendidikan Celik di talian 67891011 atau lungsuri lelamen Internet kami - ppcelik@edu.com.sg

2. Pusat Pendidikan Celik ialah pusat pendidikan untuk _____.

- kanak-kanak darjah 1
- kanak-kanak berusia 3 hingga 6 tahun
- kanak-kanak yang sudah bersedia untuk ke sekolah

Jawapan (2)

3. Orang ramai dijemput hadir ke rumah terbuka mereka untuk melihat _____.

- kanak-kanak lebih yakin dan bersedia
- lelamen Internet Pusat Pendidikan Celik
- kemudahan dan pelajaran yang ada di situ

Jawapan (3)

Petikan 3

Lama juga Hamzah berdiri di situ. Dia berasa begitu gementar tetapi cuba memberanikan diri. Sambil menunggu gilirannya, dia mengulangi pesannya, "Satu burger ayam dan sekotak susu." Sejak dari tadi juga, dia telah mengira-ngira dan memastikan wangnya cukup. Kini tibalah giliran Hamzah memesan makanannya. Hamzah bercakap dengan kuat agar pelayan itu dapat mendengar dengan jelas. Kemudian itu, Hamzah pun membayar makanannya kepada pekerja tersebut. Dengan penuh hati-hati, dia menyimpan baki wang itu di dalam dompet. Apabila makanannya diberikan, Hamzah mengambil makanan tersebut sambil mengucapkan terima kasih lalu beredar. Segala keluh-kesah dan gundah-gulana telah hilang. Dia bangga kerana itulah kali pertama dia memesan makanan sendiri.

4. Sejak dari tadi, Hamzah berasa gementar kerana dia _____.

- sedang menunggu gilirannya
- akan membeli makanan sendiri
- sedang mengulangi pesannya

Jawapan (2)

5. Hamzah seorang budak yang berhati-hati kerana dia _____.

- mengucapkan terima kasih
- menyimpan wangnya dengan betul
- boleh memesan makanannya sendiri

Panduan Menjawab Soalan Lisan.

- Ujian lisan terbahagi kepada dua bahagian iaitu bacaan lantang dan perbualan berdasarkan gambar.
- Dalam bahagian bacaan lantang, murid akan diberikan sebuah petikan untuk dibaca. Murid dikehendaki menggunakan bahasa baku semasa membaca. Guru akan menilai murid dari segi sebutan, pengucapan, kelancaran dan rentak.
- Dalam bahagian perbualan berdasarkan gambar, murid harus menggunakan bahasa baku ketika penyampaian. Murid dikehendaki memberi pendapat yang relevan tentang perkara yang boleh ditimbulkan dalam gambar tersebut.
- Guru akan menilai sejauh mana murid tersebut boleh memberikan pendapat secara spontan dan dapat memberikan idea dengan tidak teragak-agak.
- Apa yang membezakan murid yang dapat markah cemerlang dan yang mendapat markah baik sahaja adalah keyakinan diri mereka semasa mereka membaca dan berbual tentang gambar.

Banyakkan membaca, tidak kiralah sama ada buku, majalah ataupun artikel pendek. Murid mestilah membaca setiap hari agar tidak menghadapi kesukaran membaca dan memahami teks.

Selesai